

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN]

TARIKH : 16 MAC 2016

SOALAN :

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kesan dasar Kerajaan Perancis yang mengenakan import duti yang tinggi terhadap minyak sawit dan kesan kenyataan ahli akademik Singapura kononnya minyak sawit tidak baik untuk kesihatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada awalnya Kerajaan Perancis telah bercadang untuk menaikkan duti ke atas minyak sawit secara progresif, iaitu kenaikan sebanyak Euro 300 pada tahun 2017 dan seterusnya ke Euro 900 pada tahun 2020. Bagaimana pun, cadangan kadar ini telah dipinda kepada Euro 90 setan. Cukai tambahan ini menjadikan jumlah cukai ke atas minyak sawit sebanyak Euro 194 berbanding dengan Euro 104 setan pada masa kini. Perkara ini sedang dibincangkan di *National Assembly* Perancis.

Kenaikan duti tersebut akan menyebabkan kenaikan harga sawit di pasaran Perancis. Maka ia akan menjadikan sukar bagi sawit untuk bersaing dengan minyak sayuran lain di negara Perancis.

Pada tahun 2015, Malaysia telah mengeksport produk sawit berjumlah 28,349 tan yang bernilai RM92.31 juta.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian kawatir tindakan Perancis yang tidak berasas mungkin akan dicontohi oleh lain-lain negara di Kesatuan Eropah. Langkah ini dalam jangka masa panjang akan menjejaskan pasaran eksport dan juga imej minyak sawit.

Alasan tindakan Perancis bagi menaikkan duti adalah bahawa penggunaan minyak sawit memudaratkan kesihatan dan pengeluaran

minyak adalah tidak mampan. Dalam hal ini, pihak Perancis juga bercadang untuk mengecualikan minyak sawit yang memenuhi kriteria kemampanan daripada kenaikan duti.

Sehubungan itu, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telahpun menyediakan maklumat lengkap mengenai khasiat minyak sawit termasuk hasil kajian yang telah dilakukan oleh para penyelidik di Perancis melalui *Centre for International Cooperation in Agricultural Research* (CIRAD). Selain itu, Malaysia juga telah menegaskan bahawa industri sawit negara sentiasa mematuhi amalan-amalan pertanian yang baik dan mampan. Malaysia juga telah melaksanakan pensijilan minyak sawit mampan di bawah *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO). Malaysia juga telah mengemukakan surat secara rasmi kepada Kerajaan Perancis melalui saluran diplomatik bagi mengemukakan maklumat ini serta menyatakan pendirian Malaysia terhadap usul ini.

Tuan yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam kes Singapura, akhbar *The New Straits Times*, Singapore pada 14 Julai 2014 telah melaporkan bahawa *Health Promotion Board* (HPB) Singapura bercadang memberi subsidi bagi menggalakkan adunan minyak sawit dengan lain-lain minyak atas alasan penggunaan minyak sawit memberi kesan negatif kepada kesihatan. Langkah Singapura juga akan menjejaskan permintaan minyak sawit di Singapura.

Susulan laporan tersebut, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi telahpun mengadakan perbincangan lanjut dengan HPB

Singapura dan mengemukakan surat kepada Menteri Kesihatan Singapura untuk menerangkan kelebihan minyak sawit dari segi kesihatan. Pihak HPB juga telah mengadakan lawatan ke Malaysia bagi mendapatkan penerangan lanjut mengenai industri sawit di Malaysia. Kementerian akan terus melakukan sesi *engagement* dengan pihak-pihak berkuasa di Singapura bagi menangani isu ini.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sentiasa memantau dan mengambil langkah-langkah proaktif bagi menangani isu-isu yang menghalang eksport dan penggunaan minyak sawit di pasaran-pasaran utama. Selain itu, Malaysia juga bekerjasama dengan Indonesia di bawah kerangka *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) untuk menangani isu-isu tersebut. Ini adalah memandangkan kedua-dua negara menghasilkan hampir 90% pengeluaran minyak sawit dunia.

Sekian, terima kasih.